

NEWS CLIPPING

MEDIA: Utusan Malaysia

DATE: 19 November 2014

SECTION/PAGE: Bisnes / Pg 18

Arup Jururunding dapat kontrak MRT RM44.4 juta

KUALA LUMPUR 18 Nov. - Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp.) telah melantik Arup Jururunding Sdn. Bhd. (Arup Jururunding) sebagai konsultan rujukan reka bentuk laluan bawah tanah untuk transit aliran massa (MRT) laluan kedua menghubungkan-gai Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya.

Kontrak tersebut bernilai RM44.4 juta dan merupakan kontrak pertama yang diumumkan untuk projek MRT laluan kedua itu. Pembinaan laluan bawah tanah sepanjang 10.2 kilometer (km) itu sebahagian daripada 59.5 km laluan yang menghubungkan Sun-

gai Buloh-Serdang-Putrajaya Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp., Datuk Wira Azhar Abdul Hamid berkata, perkembangan itu memberi petunjuk bahawa aktiviti-aktiviti projek laluan kedua itu telah bermula.

"Memandangkan laluan pertama (Sungai Buloh-Kajang) telah siap separuh, oleh itu penting untuk memulakan laluan kedua ini," katanya dalam kenyataan hari ini.

Skop kerja Arup Jururunding adalah sebagai pereka laluan bawah tanah untuk laluan kedua itu yang dijangka melibatkan lapan stesen bawah tanah baharu. Satu stesen ialah Stesen Tun Razak Ex-

change, yang bakal menjadi pusat pertukaran antara laluan pertama dan kedua.

Dalam kontrak itu, Arup Jururunding akan turut membantu MRT Corp. untuk proses tender pakej-pakej laluan bawah tanah tersebut. Tempoh kontrak yang diberikan kepada syarikat tersebut adalah selama 32 bulan.

Jelas MRT Corp. lagi, Arup Jururunding adalah satu daripada tujuh syarikat yang telah membidai untuk kontrak tersebut. Proses pemilihan turut membolehkan konsultan pereka bertaraf dunia yang mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja sama.



MRT Corp. akan memulakan projek laluan kedua membabitkan laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya sepanjang 59.5 kilometer.
- GAMBAR HIASAN